

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO  
[PUCHONG]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk meningkatkan teknologi baru dan dalam talian (online) untuk perbicaraan kes-kes Mahkamah di seluruh negara. Apakah rancangan tersebut, bagaimana ianya berfungsi, jumlah dana yang diketepikan untuk perkara ini dan status pelaksanaannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, teknologi dalam talian yang digunakan oleh mahkamah untuk perbicaraan sesuatu kes adalah dengan menggunakan 3 jenis platform iaitu sistem e-mel, sistem eReview dan aplikasi sidang video.

Sistem e-Review adalah satu platform yang disediakan di dalam sistem aplikasi Mahkamah yang sedia ada untuk memudahkan pihak Mahkamah dan pihak-pihak dalam sesuatu kes mengendalikan prosiding sebutan, pengurusan kes, perbicaraan permohonan dan perbicaraan kes secara dalam talian. Buat masa ini, Mahkamah Rendah dan Mahkamah Atasan telah menggunakan platform e-mel, sistem e-Review dan sidang video untuk mengendalikan prosiding kes sivil secara dalam talian. Penggunaannya semakin meningkat sejak Mac 2020 apabila pihak-pihak tidak dapat hadir ke Mahkamah kerana penguatkuasaan Perintah

Kawalan Pergerakan oleh Kerajaan untuk membendung penularan wabak Covid-19.

Bagi pengendalian prosiding secara sidang video pula, pihak Mahkamah menggunakan platform Zoom Business dengan langganan sebanyak 104 lesen perisian Zoom yang bernilai RM124,800-00 untuk setahun. Platform ini banyak digunakan bagi prosiding jenayah di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan yang bermula sejak bulan Jun 2020. Sidang video ini melibatkan pihak tertuduh, peguam dan pendakwa raya yang berada di bilik bicara mahkamah di Sabah atau Sarawak, yang berkomunikasi dengan panel hakim di bilik bicara mahkamah di Putrajaya. Prosiding melalui sidang video dilaksanakan bagi memastikan pendengaran kes dapat diteruskan dan hak-hak tertuduh untuk keadilan tidak diprejudiskan.

Bagi meningkatkan lagi teknologi baharu khususnya teknologi dalam talian (*online*) untuk perbicaraan kes-kes Mahkamah di seluruh negara, pada masa ini terdapat dua projek utama yang sedang dilaksanakan oleh Mahkamah. Projek tersebut adalah:

- (a) Projek Sistem Court Recording Transcription & Voice to Text (“Projek RVT”) yang dilaksanakan di Mahkamah-mahkamah di Semenanjung; dan
- (b) Projek Sistem e-Kehakiman Sabah & Sarawak (“Projek EKSS”) yang dilaksanakan di Mahkamah-mahkamah di Sabah & Sarawak.

Bagi Projek RVT, pelaksanaan projek ini adalah selama 2 tahun iaitu mulai 15 Jun 2020 sehingga 14 Jun 2022 dengan kos sebanyak RM86,522,850.00. Projek ini adalah bagi menggantikan Sistem Court Recording & Transcription yang telah diguna pakai oleh Mahkamah selama 10 tahun sejak 2009. Salah satu daripada skop kerja utama Projek RVT ini ialah pembekalan server dan perkakasan serta peralatan audio visual dan perisian untuk merakam prosiding di 320 bilik bicara dan 51 bilik saksi di 55 lokasi Mahkamah di Semenanjung.

Sekian, terima kasih.